

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Percubaan SPM
2008
2½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2008

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha memperkasakan sistem pendidikan negara ke arah bertaraf dunia dan kepentingan memajukannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tempoh lima tahun yang akan datang (2006-2010) amat penting kerana tempoh ini menjadi asas kepada penyediaan “Bangsa Malaysia” yang diperlukan oleh negara ini pada tahun 2020. Hakikat ini menuntut seluruh warga Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) umumnya dan warga pendidik khususnya melaksanakan perubahan untuk mengangkat sistem pendidikan di negara ini bertaraf dunia. Perancangan pendidikan yang teliti dan disokong oleh pelan pelaksanaan pendidikan yang berkesan penting untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang *berpengetahuan dan berdaya saing*. Oleh sebab itu, KPM telah berusaha melestarikan semua sekolah di seluruh negara dengan mengutamakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sistem pendidikan yang bertaraf dunia yang mahu dimajukan di Malaysia perlu disandarkan kepada penanda aras tertentu agar pencapaian pelajar di negara ini dapat diukur berasaskan pencapaian pelajar di negara maju. Dalam dunia tanpa sempadan, pelajar tidak lagi bersaing sesama mereka di dalam negara, sebaliknya bersaing dengan pelajar di seluruh dunia. KPM turut melaksanakan Program Pembestarian Sekolah. Program ini merupakan program besar anjuran KPM yang melibatkan aspek perkakasan, aplikasi, perisian serta latihan guru dalam bidang ICT.

Dari aspek pembangunan fizikal, KPM akan memastikan semua sekolah di negara ini mempunyai infrastruktur yang lengkap dan moden. Dari aspek pembangunan bukan fizikal pula, KPM akan sentiasa memperkukuh kurikulum pendidikan di negara ini agar sesuai dengan kehendak dunia masa kini tanpa melupakan hasrat Wawasan 2020, iaitu maju dengan acuan sendiri. Kurikulum yang ingin dibangunkan akan mengambil kira keunikan sejarah, kepelbagaian kaum serta agama di negara ini. Kurikulum tersebut juga akan bersifat menyeluruh, tetapi tidak terlalu membebankan. Dalam hal ini, KPM akan merangka strategi memperkasakan sekolah-sekolah terpilih seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), sekolah Primier, sekolah rintis Bestari serta sekolah dalam persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya dengan menjadikannya pusat kecemerlangan dari pelbagai segi.

Sistem pendidikan bertaraf dunia yang ingin dihasilkan oleh KPM tidak akan terlalu berorientasikan peperiksaan, sebaliknya turut menekankan kecemerlangan dalam aktiviti kokurikulum. Mulai tahun 2006, KPM telah menyemarakkan usaha memartabatkan dan memperkasakan Bahasa Kebangsaan di seluruh negara. Rakyat Malaysia pastinya berbangga dengan bahasa Melayu yang menjadi identiti mereka.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
‘Pendidikan Bertaraf Dunia’
oleh Hishamuddin Tun Hussein.
Dewan Masyarakat, Mac 2006)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berpengetahuan dan berdaya saing*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** aspek yang perlu diambil kira untuk membangunkan kurikulum di negara ini. [3 markah]
- (iii) Kemukakan **empat** usaha yang dapat dilakukan untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan di negara ini. [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Beberapa orang tentera yang lain berjaga cergas dengan mata yang curiga, meliar dan memburu. Sebenarnya tiada musuh mereka yang terkuat lagi di situ. Kebanyakan penghuni kampung sudah pun diingatkan supaya mencari perlindungan masing-masing. Ramai yang sudah pun tidak tinggal di situ.

Memang dua hari sebelum sojar Jepun sampai, orang-orang kampung sudah pun digesa atau digalakkan supaya beredar menyelamatkan diri. Yang muda-muda ramai telah lari ke daerah lain, atau masuk ke dalam hutan. Cuma yang tua-tua ataupun yang sakit-sakit saja yang masih berkumpul sekitar masjid. Kebanyakan gadis telah disembunyikan, termasuk anak dara sunti, terutamanya setelah tersebar khabar bahawa tiga orang gadis di kampung jiran telah diseret sojar Jepun. Mereka hilang hingga kini.

“Datuk Pin tak balik lagi. Mak ... dan ... Kak Bibah tak balik lagi. Jangan susah, ya? Kita ... kita ada ... errr ... Tuk Juma ada. Tuk Pin tak ada, Tuk Juma ada. Jangan susah.” Deliah berhenti, mengesat matanya. Dia menyedut-nyedut hidungnya, menggenyehnya dua tiga kali, mengulangi lagi. “Jangan susah, ya? Mak dan Kak Bibah tak balik lagi. Tuk Pin tak balik lagi. Tapi ... tapi Tuk Juma ada. Tuk Juma jaga kita. Ingat?” Deliah berhenti mengurut-ngurut leher Rinda. “Ya, tapi ... tapi kita ada. Nen ada, Rinda ada. Faham? Nen ada, Rinda ada. Kita sama-sama. Err ... Tuk Juma ada. Ingat?”

(Dipetik daripada cerpen *Di Sisi Rinda*
oleh A. Samad Said dalam antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan **tiga** perkara yang diperkatakan oleh Deliah kepada Rinda. [3 markah]
- (ii) Kemukakan **tiga** faktor yang mendorong seseorang itu bertindak menyelamatkan diri apabila berhadapan dengan ancaman atau bahaya mengikut pendapat anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen dan **dua** latar tempat yang lain berdasarkan keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Tun Mamat, “Kami ini orang Melaka, nama kami Tun Mamat, dititahkan oleh Sultan Melaka meminang Puteri Gunung Ledang ini. Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini: tiada boleh naik; akan hamba disuruhnya. Dan tuan hamba ini siapa? Dan apa nama tuan hamba?”

Maka sahut perempuan itu. “Nama hamba Dang Daya Rani. Hambalah pengetua Tuan Puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba ini pada tuan puteri.”

Maka Dang Raya Rani dengan keempat perempuan sertanya itu pun lenyaplah. Ada kadar sesaat, maka kelihatan seorang perempuan tua, bongkok belakangnya, berlipat tiga. Maka ia berkata pada Tun Mamat, “Adapun segala kata-kata tuan hamba itu sudahlah dipsembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri Gunung Ledang. Akan titah tuan puteri, “*Jikalau Raja Melaka hendakkan aku*, perbuatkan aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang ini. Akan peminangnya, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, dan darah raja semangkuk, dan darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau boleh demikian, kabullah tuan puteri akan kehendak Raja Melaka itu.”

Telah sudah ia berkata-kata demikian lenyaplah ia.

Maka pada suatu riwayat orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang, merupakan dirinya seperti orang tua.

(Dipetik daripada
'Peminangan Puteri Gunung Ledang'
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *Jikalau Raja Melaka hendakkan aku*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** keterangan diri tentang Tun Mamat seperti yang digambarkan dalam petikan.
[3 markah]
- (iii) Kemukakan **tiga** alasan Puteri Gunung Ledang memberikan syarat peminangan yang luar biasa mengikut pendapat anda.
[3 markah]

Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ANAK LAUT

Segar angin laut
mengembalikan rindunya pada kolek
bagai buih kecil terapung di air
menjaring sedikit rezeki
dan sisik ikan
kulit ketam
kepala sotong
dan
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir
menampakkan urat jalur-jalur tua
anak laut itu sudah dapat menerka
langkahnya hampir tiba
pada muara Pencipta.

Rahimidin Zahari

Kulepaskan Resah Sepi, 1988.
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengembalikan rindunya pada kolek* [2 markah]
- (ii) Kemukakan **tiga** cadangan untuk mengubah corak kehidupan kaum nelayan di negara ini mengikut pendapat anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggugurkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

(i) berjumpa - terjumpa

(ii) berkata - terkata

(iii) berkurung - terkurung

[6 markah]

(b) Tulis petikan cakap ajuk di bawah ini dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

“Mari kita makan tengah hari,” Sarah mengejutkan adiknya.

“Tak naklah kak. Badan saya letih dan lesu,” kata Amin.

“Nanti kamu lapar. Makanlah, kakak dah masakkan lauk kegemaran kamu,” kata Sarah.

“Saya tak berselera, kak. Badan saya rasa kurang sihat,” Amin mengadu kepada kakaknya, Sarah.

“Pergilah rehat sekejap. Nanti, eloklah tu,” kata Sarah.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

(i) Para cendekiawan dari seluruh negara berhimpun untuk membincang tentang idea memajukan negara.

(ii) Menaikkan harga minyak telah mengakibatkan gangguan dalam persekitaran geo-ekonomi semasa.

(iii) Syarikat Maju Jaya akan membayar gantirugi kepada pembeli kerana kegagalan mereka bersiap rumah mengikut jadual.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar itu telah disampaikan oleh juruacara yang terkenal.
- (ii) Setiap orang ahli Kelab Sukarelawan di kampung itu perlu bergiat cerdas dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.
- (iii) Razak mengatakan bahawa dia kesempitan masa untuk menyiapkan tugas yang gurunya berikan.
[6 markah]

(e) *Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian berikan peribahasa yang bersesuaian dengan dialog tersebut.*

Zaleha : Anak-anak muda masa kini baik lelaki atau perempuan perlu memainkan peranan yang penting untuk sama-sama memajukan negara. Mereka merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

Zurina : Memang betul kata awak tu, Zaleha. Untuk mencapai kejayaan dalam hidup ini, mereka perlulah berusaha gigih. Kikis sikap mudah berputus asa.

Zaleha : Apabila sudah berjaya, barulah seseorang itu dapat berbakti dan memberikan sumbangan dalam hidup ini. Tidak ada guna kita hidup scandainya kita tidak pernah membuat jasa. Kalau kita tanam pokok pun, kita boleh dapat hasilnya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan nilai kebijaksanaan.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** latar masyarakat daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT